



22 MAY, 2026

ASEAN percepat laksana grid tenaga, saluran paip gas serantau

Utusan Malaysia, Malaysia



ASEAN percepat laksana grid tenaga, saluran paip gas serantau

KUALA LUMPUR: ASEAN mempercepat pelaksanaan Grid Tenaga ASEAN (APG) dan rangkaian saluran paip gas serantau (TAGP) bagi memperkukuh keselamatan tenaga di rantau Asia Tenggara susulan ketidakpastian pasaran tenaga global ketika ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, perkara itu dipersetujui dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Tenaga ASEAN (Khas AMEM) mengenai situasi terkini di Timur Tengah yang diadakan pada 27 April 2026.

Menurutnya, ia turut memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh perdagangan tenaga

rentas sempadan, kepelbagaian sumber bekalan tenaga dan mekanisme tindak balas kecemasan serantau.

"Dalam mesyuarat tersebut, Menteri-Menteri Tenaga ASEAN bersetuju untuk mempercepatkan pelaksanaan semua perkara yang telah dipersetujui, termasuk pengoperasian ASEAN Petroleum Security Agreement (APSA) dan Coordinated Emergency Response Mechanism (CERM).

"Antara keutamaan utama ialah memperkukuh (APG), TAGP serta usaha meningkatkan perkongsian maklumat, kesiapsiagaan kecemasan dan keselamatan bekalan tenaga dalam kalangan negara anggota

ASEAN," katanya selepas merasmikan Sidang Kemuncak Kepimpinan AI Microsoft, di sini semalam.

Beliau berkata, APG kekal sebagai agenda utama ASEAN memandangkan ia berperanan penting dalam memperkukuh integrasi tenaga serantau, meningkatkan kestabilan bekalan elektrik serta menyokong integrasi tenaga boleh baharu di rantau ini.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, ASEAN kini memberi tumpuan kepada memperincikan mekanisme pelaksanaan termasuk aspek teknikal, kawal selia, pembiayaan dan koordi-

nasi kecemasan tenaga serantau.

"Harapnya menjelang Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN (AMEM) yang dijadualkan berlangsung pada September 2026 serta Mesyuarat Pemimpin ASEAN pada penghujung tahun ini, kemajuan lebih konkrit dapat dicapai bagi merealisasikan objektif tersebut," katanya.

Menurut beliau, pembiayaan bagi pelaksanaan APG terus mendapat sokongan institusi kewangan antarabangsa seperti World Bank dan Asian Development Bank, selain menarik minat pelabur swasta dan rakan pembangunan antarabangsa.

Beliau berkata, Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan terus

memperkukuh sistem grid negara termasuk melalui pembangunan grid pintar dan digitalisasi rangkaian bagi menyokong peningkatan kapasiti tenaga boleh baharu dan keperluan pusat data berintensiti tinggi.

"Malaysia juga terus mempercepatkan agenda tenaga boleh baharu menerusi pelaksanaan Program Solar Berskala Besar (LSS), termasuk pelaksanaan projek-projek di bawah LSS5 yang sedang berjalan serta persiapan pelaksanaan LSS6.

"Kerajaan turut menekankan pembangunan sistem penyimpanan tenaga bateri (BESS) sebagai salah satu komponen penting," katanya.